

KKTU Anjur Sukan Medan Pilih Atlet Berbakat

Terakhir dikemaskini: Rabu, 06 Mac 2019 14:53 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 233

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 06 MAC - Sukan KKTU 2019 dianjurkan Exco Sukan dan Rekreasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kompleks Sukan UMS baru-baru ini.

Menurut Exco Sukan Jakmas KKTU, Mohd Iskandar Khan Suhaimin, objektif utama program tersebut adalah bagi memilih atlet dan pemain sukan yang berbakat serta berkebolehan tinggi untuk meningkatkan mutu sukan di kolej kediaman berkenaan.

“Program ini juga bertujuan untuk melahirkan pelajar berminda cerdas serta mewujudkan persaingan yang sihat di antara pelajar.

“Program ini dilaksanakan untuk menggalakkan pelajar aktif bersukan di samping dapat merapatkan hubungan di antara pelajar KKTU,” katanya dalam satu kenyataan.

Iskandar turut menyuarakan harapan agar program itu mampu mendidik pelajar mengekalkan gaya hidup sihat dan selalu melakukan riadah serta dapat mengeratkan hubungan antara pelajar.

Sementara itu, Timbalan Pengetua KKTU Dr. Badariah Saibeh berkata, sukan-sukan yang dipertandingkan bukan sahaja dapat mencungkil bakat pelajar tetapi juga dapat mewakili KKTU dalam sukan antara kolej.

“Antara acara yang dipertandingkan adalah seperti larian jarak 100 meter (m), 200m, 4x100m, dan 4x400m, lontar peluru, lompat jauh, futsal, bola tampar dan juga bola jaring.

“Kejohanan itu turut disertai oleh barisan felo KKTU dalam acara larian 8x50m,” katanya.

Dalam kejohanan itu, Blok O (Lelaki) dan Blok E (Perempuan) dinobatkan sebagai juara keseluruhan apabila menjulang Piala Pusingan Sukan KKTU 2019.